

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : OKTOBER – DISEMBER 2019

SOALAN NO. 369

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perbezaan operasi dan urusan antara MAS dan AirAsia dan apakah masalah MAS untuk terus bersaing dalam industri penerbangan udara.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan AirAsia merupakan dua buah syarikat penerbangan negara yang beroperasi dengan model perniagaan yang berbeza antara satu sama lain. Secara amnya, MAB beroperasi berdasarkan model perniagaan tambang penuh (full service carrier – FSC), manakala AirAsia pula beroperasi berdasarkan model perniagaan tambang murah (low cost carrier - LCC).
2. MAB yang beroperasi secara FSC menawarkan pelbagai kemudahan kepada penumpang secara percuma seperti elaun bagasi, hiburan dalam pesawat (in-flight entertainment) dan makanan. MAB juga menyediakan perkhidmatan penerbangan secara perkongsian kod (code sharing) bagi destinasi-destinasi yang tidak dioperasikan oleh mereka melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan rakan kongsi luar negara.
3. Sebaliknya, Air Asia yang beroperasi berdasarkan model perniagaan LCC menawarkan harga tambang yang lebih rendah dengan menyediakan laluan penerbangan secara terus ke destinasi (point to point destination) bagi sektor penerbangan jarak pendek dan sederhana. Tambang yang ditawarkan adalah lebih rendah kerana ia hanya melibatkan tambang asas dan bayaran tambahan akan dikenakan sekiranya penumpang memerlukan kemudahan tambahan seperti elaun bagasi, makanan dan pemilihan tempat duduk.
4. Berhubung dengan isu persaingan dalam industri penerbangan negara, MAB berpandangan bahawa industri penerbangan merupakan antara industri yang sangat kompetitif. MAB bukan sahaja perlu bersaing dengan syarikat-syarikat penerbangan negara tetapi juga syarikat-syarikat penerbangan luar negara yang beroperasi dengan pelbagai model perniagaan dengan tawaran

harga tambang yang kompetitif untuk menarik lebih ramai penumpang bagi menjana keuntungan.

5. Berikutan tragedi pesawat MH370 dan MH17, Malaysia Airlines System Berhad (MAS) telah distrukturkan semula kepada Malaysia Airlines Berhad (MAB) berdasarkan program penstrukturan semula yang komprehensif bagi tujuan memulihkan semula prestasi syarikat untuk menjana keuntungan. Pada tahun 2014, MAB telah mengumumkan 12 strategi pelan pemulihan di bawah rangka Pelan Pemulihan Malaysia Airlines (Malaysia Airlines Recovery Pelan - MRP) untuk dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun iaitu sehingga tahun 2019. Secara umumnya, dalam tempoh ini MAB telah berjaya melaksanakan penambahbaikan dari segi pengurangan kos operasi, peningkatan produktiviti, sistem pengurusan teknologi maklumat dan peningkatan tahap kepuasan pelanggan yang antara lainnya diukur berdasarkan prestasi ketepatan masa berlepas dan mendarat (on time performance - OTP) dan Indeks Kepuasan Pelanggan (customer satisfaction index - CSI).
6. MAB kini sedang melaksanakan fasa kedua strategi pelan pemulihan yang memfokuskan usaha untuk memperbaiki kedudukan kewangannya. Antara cabaran yang perlu ditempuhi oleh MAB adalah untuk terus mengekalkan tahap kecemerlangan dari segi kepuasan pelanggan, kualiti perkhidmatan serta operasi, dan pada masa yang sama berusaha untuk mengekalkan kos operasi pada tahap yang minima.

Sekian, terima kasih.